



MAKTAB RENDAH SAINS MARA



**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2008
PENDIDIKAN ISLAM**

1223/1

**Kertas 1
September
2 Jam**

Dua Jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **dua** bahagian. **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. ***Bahagian A** mengandungi 40 soalan objektif yang diikuti oleh empat pilihan jawapan **A, B, C dan D** serta soalan mengisi tempat kosong. Jawab **semua** soalan pada kertas jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini.*
3. ***Bahagian B** mengandungi **empat** soalan subjektif. **Soalan 1 dan Soalan 2** wajib dijawab dan pilih mana-mana **satu** soalan berikutnya. Kesemua **tiga** soalan wajib dijawab. Semua jawapan hendaklah ditulis pada kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Ceraikan kertas jawapan **Bahagian A** dan ikat bersama-sama dengan kertas jawapan **Bahagian B.***

Kertas soalan ini mengandungi **13** halaman bercetak

Bahagian A
[40 markah]

Soalan 1 hingga soalan 20

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan **A, B, C dan D. Bulatkan jawapan yang tepat pada ruangan jawapan yang disediakan.**

1.

Perbuatan secara halus melalui pertolongan syaitan atau jin bertujuan memudaratkan dan mengelirukan manusia

Pernyataan di atas adalah berkaitan dengan....

- A Sihir
- B Nifak
- C Kufur
- D Khurafat

2. Antara pernyataan berikut yang manakah **benar** mengenai pegangan Khawarij ?

- A Membataskan sumber syariat hanya kepada al-Qur'an
- B Menghalalkan beberapa kemungkaran seperti minum arak
- C Mengharuskan perkahwinan mut'ah
- D Beramal dengan taqiyyah

3. Hukuman yang ditetapkan ke atas orang yang melakukan qazaf ialah

- A Disebat 40 kali
- B Disebat 80 kali
- C Disebat 100 kali
- D Direjam hingga mati

4. Nama ahli al-Sunnah wa al-Jamaah dimasyhurkan oleh

- A Abu Musa al-Asyaari
- B Abu Hamid al-Ghazali
- C Abu Ahmad al-Asfahani
- D Abu Mansur Al-Maturidi

5.

Perjanjian untuk memiliki manfaat atau faedah sesuatu barang yang diterima daripada orang lain dengan bayaran yang sesuai

Pernyataan di atas merujuk kepada...

- A Insurans
 - B Syarikat
 - C Saham
 - D Sewa
6. Berikut merupakan sebab-sebab gugur hak hadhanah **kecuali**....
- A Ibunya berkahwin lagi
 - B Anak didera oleh ibunya
 - C Anak tersebut telah dewasa
 - D Ibu berpindah ke tempat lain
7. Antara berikut, yang manakah **bukan** rukun berhutang ?
- A Saksi pemberi hutang
 - B Akad pemberian hutang
 - C Barang yang diberi hutang
 - D Penerima dan pemberi hutang
8. Wanita yang haram dikahwini disebabkan persemendaan adalah seperti berikut.
- I Ibu tiri
 - II Kakak ipar
 - III Ibu mertua
 - IV Anak saudara
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan III
9. Pilih pernyataan yang tepat mengenai syarat-syarat isteri yang sah dirujuk.
- A Belum disetubuhi
 - B Masih dalam tempoh iddah
 - C Berada dalam iddah talak tiga
 - D Bercerai secara fasakh atau khuluk

10. Berikut adalah jawatan yang pernah disandang oleh Ibnu Khaldun.

- I Anggota Majlis al-Maarif
- II Ketua Hakim Negara di Mesir
- III Hakim Mahkamah Rayuan Mesir
- IV Anggota Majlis Ilmiah di Fez, Maghribi

- A I dan II
- B II dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

11.

Beliau telah memperkenalkan tanda bunyi al-Fathah, al-Kasrah dan al-Dhammah bagi membantu pembacaan al-Quran yang betul.

Pernyataan di atas merujuk kepada tokoh ilmuan....

- A Sibawaih
- B Khalil bin Ahmad
- C Abu Aswad Ad-Duwali
- D Jarir Amru bin Abi Rabithah

12. Dua bandar yang menjadi tumpuan pencinta ilmu pada zaman Abbasiyah ialah...

- A Syam dan Andalus
- B Andalus dan Sicilly
- C Kaherah dan Jordan
- D Andalus dan Khurasan


13. Antara faktor kegawatan ekonomi kerajaan Abbasiyah ialah....

- A Perebutan kuasa
- B Campurtangan pihak luar
- C Rusuhan dan pemberontakan
- D Kelemahan pemerintahan kerajaan

14. Syarat sah binatang yang disembelih ialah....

- A Mati dengan sekali sembelihan
- B Menggunakan pisau yang tajam
- C Menghadapkan binatang ke arah kiblat
- D Melakukan sembelihan pada siang hari

15.



Tanda X merujuk kepada

- A Terbit fajar 9 Zulhijah hingga terbit fajar 10 Zulhijah
 - B Gelincir matahari 9 Zulhijah hingga terbit fajar 10 Zulhijah
 - C Terbit fajar 10 Zulhijah hingga terbenam matahari 10 Zulhijah
 - D Gelincir matahari 10 Zulhijah hingga terbenam matahari 10 Zulhijah
16. Berikut adalah latar belakang pendidikan as-Sayyid Jamaluddin al-Afghani **kecuali**
- A Menguasai beberapa bahasa dunia
 - B Menghafaz al-Quran semasa berusia 9 tahun
 - C Menguasai pelbagai bidang ilmu pengetahuan
 - D Bermusafir ke India untuk mendalami ilmu Matematik Moden
17. Antara berikut yang manakah **bukan** cara berfikir menurut Islam ?
- A Berfikir tentang zat Allah
 - B Menetapkan tujuan berfikir
 - C Mengetahui cara mencapai matlamat
 - D Memikirkan risiko yang akan berlaku
18. Berikut merupakan kelebihan memberi dan menerima hadiah **kecuali** ...
- A Rezeki akan bertambah
 - B Mendapat ganjaran Allah
 - C Menyelesaikan masalah orang lain
 - D Disenangi dan disayangi orang lain

19. Sabda Rasulullah SAW :

...إِذَا حَدَّثَ كَذَّبَ...
(البخاري)
(رواه)
Maksudnya : apabila bercakap dia berbohong

Hadis di atas merujuk kepada...

- A Nifak
- B Riddah
- C Kufur
- D Syirik

20. Sabda Rasulullah SAW :

إِذَا دُعِيَ أَحَدُكُمْ إِلَى وَلِيْمَةٍ فَلْيَأْتِهَا
(عليه)
(متفق)
Maksudnya: “Apabila salah seorang daripada kamu diundang ke

Hukum asal menghadiri majlis perkahwinan ialah...

- A Sunat Muakkad
- B Fardhu Kifayah
- C Sunat
- D Wajib

Soalan 21 hingga Soalan 40.

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.


- 21 Melakukan sesuatu untuk mendapatkan kepentingan diri sendiri atau memudaratkan orang lain disebut _____ .
- 22 Berdasarkan maksud ayat al-Quran :
“Telah berlaku pelbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang dilakukan oleh _____ manusia”.
- 23 Mandi bunga bagi mempercepatkan jodoh adalah contoh amalan _____.

Maksud	Jenis Dam
Dam yang dibayar mengikut susunan	Tertib
Dam yang dibayar mengikut kadar yang ditentukan mengikut kemampuan.	X

- 24 **X** dalam rajah di atas ialah _____ .
- 25 Mahar yang ditentukan kadarnya dan dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak ialah _____ .
- 26 Tempoh iddah bagi isteri yang kematian suami ialah _____.
- 27 Pengasas kerajaan Bani Abbasiyah ialah _____.
- 28 Syiah Imamiyah beramal dengan _____ iaitu menyembunyikan iktikad sebenar mereka apabila berhadapan dengan orang yang berbeza iktikadnya .
- 29 Amalan menyuapkan manisan atau buah tamar ke mulut bayi semasa majlis mencukur rambut dinamakan _____ .
- 30 Sumpah suami untuk mengelakkan hukuman qazaf disebut _____ .

31 Jemaah haji Malaysia yang dalam perjalanan ke Mekah melalui Madinah akan berniat ihram di _____

Soalan 32 adalah berdasarkan rajah di bawah.




33 Suami berkata kepada isterinya : “Jika engkau keluar dari rumah ini maka engkau tertalak dengan talak satu”.
Lafaz ini merujuk kepada _____

Soalan 34 dan Soalan 35 berdasarkan rajah di bawah.

Nyatakan bidang kepakaran bagi tokoh-tokoh di bawah:

No	Tokoh	Bidang Ilmu
34	Al-Battani	
35	Al-Hassan Bin al-Haitham	



36 Y dalam rajah di atas ialah _____

- 37 Khalifah Abu Bakar al-Siddiq telah menghantar pasukan tentera Usamah Bin Zaid ke _____ ketika beliau berusia 18 tahun.
- 38 Imam Malik dilahirkan di _____ .

Soalan 39 dan Soalan 40 berdasarkan jadual di bawah. Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang betul.

Situasi	Hukum
Menghantar jenazah ke kubur	Sunat muakkad
Meraung dan meratapi mayat	39 _____
Mengucap takziah	40 _____

Bahagian B

[60 markah]

Jawab **tiga** soalan : **Soalan 1, Soalan 2** dan mana-mana **satu** soalan berikutnya.

1 (a) Ajaran sesat boleh membatalkan iman.

(i) Nyatakan maksud ajaran sesat. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** ciri ajaran Qadyani. [2 markah]

(iii) Cadangkan **dua** cara untuk memelihara akidah. [4 markah]

(b) Firman Allah SWT :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ
رَجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ
(سورة المائدة آية : 90)

Ayat di atas menerangkan pengharaman arak, judi, pemujaan berhala dan bertenggang nasib.

(i) Nyatakan hukuman yang telah ditentukan oleh syarak ke atas peminum arak. [2 markah]

(ii) Terangkan **dua** hikmah dikenakan hukuman tersebut. [4 markah]

(c) Islam melarang perbuatan membunuh diri kerana perbuatan tersebut merupakan satu pencabulan hak Allah SWT.

(i) Nyatakan **dua** faktor yang mendorong remaja membunuh diri. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** usaha yang perlu dilakukan untuk mengelakkan perbuatan membunuh diri. [4 markah]

2 (a) Firman Allah SWT :

وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا
(سورة ال عمران آية: 97)

Ayat di atas menerangkan tentang kewajipan mengerjakan haji kepada sesiapa yang berkemampuan.

- (i) Jelaskan maksud haji . [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** syarat berkemampuan (istito'ah) yang dikhususkan kepada wanita. [4 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** perkara yang dilarang semasa ihram. [4 markah]
- (b) Pertunangan adalah satu tuntutan dalam Islam.
- (i) Nyatakan **dua** anggota badan yang sunat dilihat oleh calon suami. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** hikmah disunatkan melihat bakal isteri. [4 markah]
- (c) Nyatakan hukum dan alasan bagi situasi yang berikut :
- (i) Ahmad terlupa menyebut kadar mahar semasa akad nikah. [2 markah]
- (ii) Fatimah berhram dengan memakai jubah berwarna hitam. [2 markah]
- 3 (a) Khulafa' al-Rasyidin merupakan golongan terbaik dan generasi pertama yang menghayati ajaran Islam sepenuhnya.
- (i) Nyatakan **dua** pembaharuan yang dilaksanakan dalam sistem pentadbiran Khulafa' ar-Rasyidin. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** akibat membelakangkan kepimpinan Khulafa' al- Rasyidin. [4 markah]
- (b) Imam Ahmad bin Hanbal adalah tokoh hadis yang terkenal.
- (i) Nyatakan **dua** cara beliau menetapkan hukum. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** cara anda mencontohi ketinggian akhlak Imam Ahmad bin Hanbal dalam kehidupan seharian. [4 markah]

- (c) Kemudahan awam yang disediakan adalah bertujuan memberikan keselesaan hidup.
 - (i) Nyatakan **dua** faedah kemudahan awam kepada masyarakat. [4 markah]
 - (ii) Cadangkan **dua** cara untuk meningkatkan kesedaran menjaga kemudahan awam. [4 markah]

- 4** (a) Perkembangan pendidikan pada zaman pemerintahan kerajaan Abbasiyah lebih pesat berbanding kerajaan Umayyah.
 - (i) Nyatakan **dua** institusi pendidikan pada zaman kerajaan Abassiah. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan Abbasiyah untuk memajukan bidang sains dan teknologi. [4 markah]

- (b) Ibnu Khaldun merupakan tokoh yang terkenal dalam bidang tamadun.
 - (i) Nyatakan **dua** sifat peribadi Ibnu Khaldun. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** perkara yang digariskan oleh Ibnu Khaldun dalam menganalisis laporan sejarah. [4 markah]

- (c) Firman Allah SWT :

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اطِيعُوْا اللّٰهَ وَاَطِيعُوْا الرَّسُوْلَ وَاُوْلٰى الْاَمْرِ مِنْكُمْ
(سوره النساء اية: 59)

Ayat di atas menjelaskan kewajipan mentaati Allah, Rasul dan pemimpin.

- (i) Nyatakan **dua** ciri pemimpin menurut Islam. [2 markah]
- (ii) Nyatakan hukum mentaati pemimpin. [2 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** tanggungjawab rakyat terhadap pemimpin. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

KERTAS JAWAPAN UNTUK BAHAGIAN A



MAKTAB RENDAH SAINS MARA



1223/2

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2008 PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 2
September
2008

1 $\frac{2}{3}$ jam

Satu jam empat puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi lima soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak

Jawab semua soalan

1 (a) Firman Allah SWT :

أَلَمْ يَرَوْا كَمْ أَهْلَكْنَا مِنْ قَبْلِهِمْ مِنْ قَرْنٍ مَكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ مَا لَمْ
 نُمَكِّنْ لَكُمْ وَأَرْسَلْنَا السَّمَاءَ عَلَيْهِمْ مِدْرَارًا وَجَعَلْنَا اللَّاتِهَرَ تَجْرِي مِنْ
 تَحْتِهِمْ فَأَهْلَكْنَاهُمْ بِذُنُوبِهِمْ وَأَنْشَأْنَا مِنْ بَعْدِهِمْ قَرْنًا آخَرِينَ ﴿٦﴾
 (سورة الأنعام 6)

Ayat di atas menerangkan bahawa Allah SWT mengingatkan manusia supaya mengambil iktibar daripada kemusnahan umat terdahulu.

- (i) Nyatakan **dua** contoh nikmat Allah SWT kepada manusia. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** cara bersyukur melalui perbuatan. [4 markah]
- (iii) Mengapakah Allah SWT membinasakan umat terdahulu. [2 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW :

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ أَخَذَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى
 اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِمَنْكِبِي فَقَالَ كُنْ فِي الدُّنْيَا كَأَنَّكَ غَرِيبٌ أَوْ عَابِرُ
 سَبِيلٍ وَكَانَ ابْنُ عُمَرَ يَقُولُ إِذَا أُمْسَيْتَ فَلَا تَنْتَظِرِ الصَّبَاحَ وَإِذَا
 أَصْبَحْتَ فَلَا تَنْتَظِرِ الْمَسَاءَ وَخُذْ مِنْ صِحَّتِكَ لِمَرْضِكَ وَمِنْ حَيَاتِكَ
 لِمَوْتِكَ
 (رواه البخارى)

Hadis di atas menerangkan tentang kehidupan di dunia ibarat perantau dan cara pengurusan masa yang baik.

- (i) Nyatakan **dua** amalan yang boleh dijadikan bekalan untuk akhirat . [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kelebihan menyegerakan sesuatu urusan dalam kehidupan seharian. [4 markah]

[Lihat sebelah]

(iii) Berikan maksud potongan hadis **وَحَدُّ مِنْ صِدْحَتِكَ لِمَرَضِكَ**
[2 markah]

(c) Tulis semula ayat al-Qur'an berikut dan letakkan tanda baris dengan sempurna.
Firman Allah SWT :

ولا تصعر خدك للناس ولا تمش في الأرض مرحا إن الله
لا يحب كل مختال فخور ﴿١٨﴾ واقصد في مشيك واغضض
من صوتك إن أنكر الأصوات لصوت الحمير ﴿١٩﴾

(سورة لقمن آية : 18-19)

[4 markah]

2 (a) Firman Allah SWT :

وَالَّذِينَ هُمْ عَنِ اللَّغْوِ مُعْرِضُونَ ﴿٢﴾ وَالَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَاةِ فَاعِلُونَ ﴿٤﴾
وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَافِظُونَ ﴿٥﴾ إِلَّا عَلَىٰ أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ
أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ ﴿٦﴾ فَمَنْ ابْتَغَىٰ وَرَاءَ ذَلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ
الْعَادُونَ ﴿٧﴾ وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمَانَاتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَاعُونَ ﴿٨﴾
(سورة المؤمنون 3-8)

Ayat di atas menerangkan bahawa antara ciri-ciri mukmin yang berjaya ialah menjauhi perbuatan sia-sia dan menjaga amanah serta janji.

(i) Nyatakan **dua** contoh perbuatan sia-sia. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** cara untuk mengelakkan diri daripada perbuatan sia-sia. [4 markah]

(iii) Nyatakan **dua** ciri pelajar yang amanah. [2 markah]

(iv) Mengapakah manusia perlu bersifat amanah ? [2 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW :

[Lihat sebelah]

الْمُسْلِمِ أَخُو الْمُسْلِمِ لَا يَظْلِمُهُ وَلَا يَخْذُلُهُ وَلَا يَكْذِبُهُ وَلَا يَحْقِرُهُ،
 التَّقْوَى هَهُنَا وَيُشِيرُ إِلَى صَدْرِهِ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ يَحْسَبُ أَمْرِي مِنْ
 الشَّرِّ أَنْ يَحْقِرَ أَخَاهُ الْمُسْلِمَ. كُلُّ الْمُسْلِمِ عَلَى الْمُسْلِمِ حَرَامٌ دَمُهُ
 وَمَالُهُ وَعَرْضُهُ.
 (رواه مسلم)

Hadis di atas menjelaskan sifat-sifat mazmumah yang menghalang perpaduan dan kemajuan.

- (i) Nyatakan **dua** contoh perbuatan membuli rakan. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** langkah untuk memupuk perpaduan dalam kalangan pelajar. [4 markah]
- (c) Potongan ayat al-Quran berikut tidak disusun mengikut tertib seperti dalam al-Quran. Susun semula potongan ayat tersebut mengikut tertib. Anda dikehendaki menulis nombor ayat sahaja.

لَا شَرْقِيَّةَ وَلَا غَرْبِيَّةَ	(1)
الزُّجَّاجَةُ كَأَنَّهَا كَوْكَبٌ	(2)
مُبْرَكَةٌ زَيْتُونَةٍ	(3)
دُرِّيٌّ يُوقَدُ مِنْ شَجَرَةٍ	(4)

(سورة النور : 35)

[4 markah]

- 3 (a) Firman Allah SWT :

[Lihat sebelah]

وَإِذْ قَالَ لُقْمَانُ لِابْنِهِ وَهُوَ يَعِظُهُ يَا بُنَيَّ لَا تُشْرِكْ بِاللَّهِ إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ ﴿١٣﴾ وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهَنًا عَلَىٰ وَهْنٍ وَفَصَّلَهُ رِ فِي عَامَيْنِ أَنْ اشْكُرْ لِي وَلِوَالِدَيْكَ إِلَى الْمَصِيرِ ﴿١٤﴾
(سورة لقمان آية : 13 -

Ayat di atas menerangkan nasihat Luqman al- Hakim kepada anaknya..

- (i) Siapakah Luqman al-Hakim ? [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** nasihat Luqman al-Hakim selain daripada berbuat baik kepada ibubapa. [2 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** cara berbakti kepada ibu bapa. [4 markah]
- (b) Sabda Rasulullah SAW :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ اللَّهَ قَالَ مَنْ عَادَى لِي وَلِيًّا فَقَدْ آذَنْتُهُ بِالْحَرْبِ وَمَا تَقَرَّبَ إِلَيَّ عَبْدِي بِشَيْءٍ أَحَبَّ إِلَيَّ مِمَّا افْتَرَضْتُ عَلَيْهِ وَمَا يَزَالُ عَبْدِي يَتَقَرَّبُ إِلَيَّ بِالنَّوَافِلِ حَتَّىٰ أَحِبَّهُ فَإِذَا أَحَبَبْتُهُ كُنْتُ سَمْعَهُ الَّذِي يَسْمَعُ بِهِ وَبَصَرَهُ الَّذِي يُبْصِرُ بِهِ وَيَدَهُ الَّتِي يَبْطِشُ بِهَا وَرِجْلَهُ الَّتِي يَمْشِي بِهَا وَإِنْ سَأَلَنِي لِأَعْطِيَتْهُ وَلَئِنْ اسْتَعَادَنِي لِأُعِيدَتْهُ.
(رواه البخارى)

Hadis di atas menerangkan tentang ketinggian darjat seseorang itu berdasarkan amalan soleh.

- (i) Nyatakan **dua** ciri orang yang soleh. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** perbezaan antara wali dan rasul. [4 markah]
- (iii) Terangkan pengajaran yang dapat diambil daripada hadis di atas. [2 markah]
- (c) Tulis kalimah yang betul di tempat kosong dalam ayat berikut;

[Lihat sebelah]

أَلْبَارِئُ	وَالْأَرْضُ	الْحُسْنَى	الْعَزِيزُ
-------------	-------------	------------	------------

Lengkapkan potongan ayat di bawah dengan pilihan jawapan yang betul.

(ii)	الْمُصَوِّرُ لَهُ الْأَسْمَاءُ	(i)	هُوَ اللَّهُ الْخَلِيقُ
(iv)	وَهُوَ	(iii)	يُسَبِّحُ لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ
الْحَكِيمُ ﴿٢٤﴾			
(سورة الحشر : اية 24)			

[4 markah]

4 (a) Firman Allah SWT :

<p>إِنَّمَا يُؤْمِنُ بِآيَاتِنَا الَّذِينَ إِذَا ذُكِرُوا بِهَا خَرُّوا سُجَّدًا وَسَبَّحُوا بِحَمْدِ رَبِّهِمْ وَهُمْ لَا يَسْتَكْبِرُونَ ﴿١٥﴾ تَتَجَافَى جُنُوبُهُمْ عَنِ الْمَضَاجِعِ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ خَوْفًا وَطَمَعًا وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ ﴿١٦﴾</p> <p>(سورة السجدة اية 15-16)</p>
--

Ayat di atas menyatakan antara orang yang benar-benar beriman kepada Allah SWT ialah orang banyak sujud dan membelanjakan harta ke jalan Allah SWT.

(i) Terangkan maksud sujud. [2 markah]

(ii) Nyatakan **dua** jenis sujud. [2 markah]

[Lihat sebelah]

- (iii) Jelaskan **dua** kelebihan orang yang melazimi qiamullail. [4 markah]
- (iv) Terangkan **dua** sebab menginfakkan harta ke jalan Allah SWT sangat dituntut dalam Islam. [4 markah]

(b) Firman Allah SWT :

وَإِذَا مَا أَنْزَلَتْ سُورَةٌ نَّظَرَ بَعْضُهُمْ إِلَىٰ بَعْضٍ هَلْ يَرِيكُمْ مِنْ أَحَدٍ
 ثُمَّ أَنْصَرَفُوا صَرَفَ اللَّهُ قُلُوبَهُمْ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَا يَفْقَهُونَ ﴿١٧٧﴾
 (سورة التوبة : 127)

Berdasarkan potongan ayat al-Quran di atas, keluarkan kalimah yang menunjukkan hukum tajwid berikut :

- (i) Mad Jaiz Munfasil
 (ii) Izhar Halqi
 (iii) Idgham Mislain
 (iv) Idgham Bila Ghunnah

[4 markah]

(c) Tulis semula pernyataan di bawah dengan tulisan jawi.

1. Semangat jihad semakin pudar.
2. Disebabkan oleh beberapa faktor.
3. Leka dengan kesenangan dunia.
4. Perlu disemarakkan lagi.

[4 markah]

5 (a) Firman Allah SWT :

[Lihat sebelah]

وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ
 زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَلْيَضْرِبْنَ خُمُرَهُنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ وَلَا يُبْدِينَ
 زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ أَوْ آبَائِهِنَّ أَوْ آبَاءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ
 أَبْنَائِهِنَّ أَوْ أَبْنَاءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي
 أَخَوَاتِهِنَّ أَوْ نِسَائِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُنَّ أَوِ التَّابِعِينَ غَيْرِ أُولِي
 الْإِرْبَةِ مِنَ الرِّجَالِ أَوِ الطِّفْلِ الَّذِينَ لَمْ يَظْهَرُوا عَلَىٰ عَوْرَاتِ النِّسَاءِ
 وَلَا يَضْرِبْنَ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمَ مَا يُخْفِينَ مِنْ زِينَتِهِنَّ وَتُوبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا
 أَيُّهُ الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٣١﴾

(سورة النور آية : 31)

Ayat di atas menerangkan beberapa perintah dan peringatan kepada kaum wanita.

Berdasarkan ayat di atas

- (i) Nyatakan maksud perhiasan. [2 markah]
- (ii) Senaraikan **dua** golongan yang diharuskan melihat perhiasan wanita. [2 markah]
- (iii) Nyatakan dua perintah Allah kepada kaum wanita. [2 markah]
- (iv) Terangkan **dua** pengajaran ayat di atas. [4 markah]

(b) Firman Allah SWT :

[Lihat sebelah]

فَمَنْ يُرِدِ اللَّهُ أَنْ يَهْدِيَهُ يَشْرَحْ صَدْرَهُ لِلْإِسْلَامِ وَمَنْ يُرِدْ أَنْ

(i)

يُضِلَّهُ تَجْعَلْ صَدْرَهُ ضَيِّقًا حَرَجًا كَأَنَّمَا يَصَّعَّدُ فِي السَّمَاءِ

(ii)

كَذَلِكَ تَجْعَلُ اللَّهُ الرِّجْسَ عَلَى الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٢٥﴾

(iii)

(سورة الأنعام آية : 125)

Berdasarkan potongan ayat al-Qur'an di atas, tuliskan hukum **tajwid dan cara bacaan** bagi perkataan yang bergaris.

[6 markah]

(c) Tulis semula perkataan berikut dengan tulisan jawi :

- i. Sains dan teknologi
- ii. Semakin kompleks
- iii. Gerakan reformasi
- iv. Idea Islah

[4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT